

28 MAR 2003

MIC-Tabung

MIC SUMBANG RM100,000 KEPADA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT IRAQ

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- MIC akan menyumbang sebanyak RM100,000 kepada Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq yang ditubuhkan kerajaan Rabu lepas.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata sumbangan itu diharap dapat membantu penderitaan rakyat Iraq yang menjadi mangsa pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya.

"Majlis Tertinggi MIC hari ini memutuskan untuk menderma RM100,000 untuk tabung kemanusiaan rakyat Iraq, tindakan ini adalah bagi menyokong keputusan kerajaan memberi derma sebanyak RM10 juta," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC di ibupejabat parti di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, mengenai persiapan parti itu menghadapi pilihan raya umum akan datang, Samy Vellu berkata MIC sedang memberi latihan kepada kira-kira 10,000 Pemuda dan Puteri MIC bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN).

"Setakat ini, kita telahpun mempunyai seramai 2,000 pemuda yang terlatih dan seramai 3,000 pemuda lagi akan dilatih pada perhimpunan Briged Pemuda MIC yang akan diadakan Ahad ini," katanya.

Beliau berkata mesyuarat agung MIC yang dijadualkan pada 10 Mei di Kuala Lumpur dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai Puteri MIC, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata Jawatankuasa Kerja Pusat akan memutuskan untuk melantik seorang Penyelaras Puteri MIC sebaik selesai proses penubuhan Puteri MIC di setiap negeri.

Puteri MIC yang ditubuhkan kira-kira enam bulan lepas kini dianggarkan mempunyai seramai 6,000 anggota.

Mengenai program kelas bimbingan bagi pelajar yang mengambil peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), beliau berkata parti itu akan meneruskan program berkenaan secara lebih serius memandangkan lebih 200 murid India di seluruh negara berjaya mencapai keputusan cemerlang tahun lepas.

-- BERNAMA

RAM AYI HS RON